

Kerajaan Persekutuan Peruntuk RM1.3 Bilion Untuk Projek Pembangunan Di Kedah
Bername
10 Julai, 2012

POKOK SENA, 10 Julai (Bernama) -- Kerajaan Persekutuan tidak pernah mengabaikan Kedah dalam soal pembangunan walaupun negeri ini ditadbir pakatan pembangkang dan tahun ini sahaja hampir RM1.3 bilion diperuntukkan bagi melaksanakan projek-projek pembangunan di Kedah.

Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan Kedah Datuk Azmi Lateh berkata daripada jumlah itu, setakat ini kerajaan membelanjakan hampir RM400 juta untuk meneruskan pelaksanaan projek-projek pembangunan di Kedah termasuk meneruskan pakej projek pembinaan jalan dari Durian Burung ke Kupang, Baling.

"Selain itu, untuk dua tahun ini, kita juga telah membina 11 buah sekolah menengah dan enam buah sekolah rendah yang baru atas keperluan pelajar sekolah yang semakin bertambah," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Mesej dari Penjara di Penjara Pokok Sena di sini hari Selasa.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=679520>